

KUTKM mulakan operasi bulan depan

Archival News | Berita Harian | 15/12/2004

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dijangka memulakan operasi kampus dalam bandarnya di dua blok bangunan bekas Wisma Negeri di pusat bandar, pada bulan depan.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd Salleh Sulong, berkata kedua-dua blok B dan C Wisma Negeri di Jalan Hang Tuah disewa daripada Yayasan Melaka bagi menempatkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Pusat Universiti-Industri, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran serta Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi.

"Pemindahan ke kampus bandar itu dijadual dilaksanakan pada bulan depan," kata beliau yang juga Pengerusi DRB-Hicom Bhd, ketika berucap di majlis Aidilfitri KUTKM di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Rektor KUTKM, Prof Datuk Ismail Hassan; Timbalan Rektor Akademik, Prof Dr Azhari Salleh dan Timbalan Rektor Pembangunan dan Perancangan Korporat, Prof Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah.

Difahamkan kampus dalam bandar itu akan digunakan oleh pelajar Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan yang menyambung pengajian di peringkat Master.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam sebelum ini menawarkan kepada KUTKM dan Institut Teknologi Mara (ITM) Melaka untuk menjadikan bangunan Wisma Negeri yang dikosongkan sejak September lalu, sebagai kampus dalam bandar.

Beliau berkata, bangunan itu dijangka boleh memuatkan sehingga 1,000 pelajar itu dilengkapi pelbagai kemudahan bagi tujuan pembelajaran.

KUTKM yang ditubuhkan pada 1 Disember 2000 kini mempunyai seramai 4,608 pelajar membabitkan kakitangan seramai 1,060 orang.

Mohd Salleh berkata, bagi mencapai sasaran seramai 15,000 pelajar menjelang 2010, kampus utama di kawasan seluas 290 hektar di Mukim Durian Tunggal dibina.

Malah, kira-kira 800 pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer sudah dipindahkan ke kampus berkenaan manakala kira-kira 800 pelajar Kejuruteraan Elektrik dijangka menjelaki langkah itu pada bulan depan.

(END) Source : Berita Harian